WARTA SAWiT

Boleh didapati *on-line* di **http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit**

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 56 (1)/Jan-Apr 2014

Jangan lepaskan peluang memenangi RM 100... Sertai Kuiz Sawit SEKARANG!!!

# KELOMPOK PENANAM SAWIT MAMPAN (SPOC)



*Rajah 1. Contoh sijil untuk kebun pekebun kecil (RSPO, CoP dan GAP).*

## KANDUNGAN


- Kelompok Penanam Sawit Mampan (SPOC) 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - *Amalan Pengurusan Terbaik Penanaman Sawit di Tanah Gambut: Penggunaan Zeolite sebagai Pembaik Pulih Tanah* 6
- Kuiz Sawit 9
- Kenalilah... *Bahan Pembaik Pulih Tanah* 11
- Sudut Kreatif Sawit 13
- Sedutan Akhbar 14
- Sembang Sawit 15
- Berita Bergambar 16
- Tahukah Anda? 18
- Diari & Peristiwa 19
- Sudut Ekonomi 22
- Peladang Jaya 24
- Direktori MPOB 25
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 29


Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.

Pekebun kecil individu merupakan mereka yang mempunyai keluasan tanaman sawit kurang daripada 100 ekar atau 40.46 ha. Sehingga hujung tahun 2013, jumlah pekebun kecil persendirian yang direkodkan MPOB adalah sebanyak 192 198 orang mewakili 748 292 ha. Jumlah ini mewakil 14.5% daripada jumlah keseluruhan keluasan tanaman sawit di Malaysia yang berjumlah 5.23 juta hektar.

Kelompok Minyak Sawit Mampan atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC) merupakan salah satu daripada program yang dibangunkan MPOB khusus untuk pekebun kecil persendirian. Ia telah dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) pada 2009. Dua komponen penting dalam SPOC ialah program pensijilan kebun pekebun kecil dan juga penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Objektif SPOC adalah untuk memastikan pekebun kecil sawit mengeluarkan hasil sawit secara mampan yang dapat memenuhi keperluan kini dan masa depan.

Saiz purata plot tanah milik mereka yang terhad (3.9 ha untuk setiap keluarga) dan kekurangan pendedahan kepada amalan tanaman baik merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada tahap pengeluaran hasil mereka yang rendah. Oleh itu, di bawah program SPOC pekebun kecil akan dikelompokkan mengikut kawasan menjadi satu kumpulan yang diketuai sendiri oleh pekebun kecil dan dibantu secara terus oleh Pegawai TUNAS MPOB. Dengan adanya kelompok ini, ia memudahkan MPOB menjalankan aktiviti pengembangan dan menyampaikan teknologi terkini. Sehingga kini, sebanyak 30 SPOC telah ditubuhkan di seluruh Malaysia (*Jadual 1*).

*Bersambung ke muka surat 2*

ISSN 1394-4975

9 771394 497004

Lembaga Minyak Sawit Malaysia • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur. Tel: 03-8769 4400, Teleks: MA31609 Faks: 03-8925 9446
www.mpob.gov.my

## Sidang Pengarang

PENASIHAT
**Datuk Dr Choo Yuen May**

PENGERUSI
**Hj Ahmad Sidek Stroo**

TIMBALAN PENGERUSI
**Hj Wahid Omar**

KETUA PENYUNTING
**Hj Hamdan Abu Bakar**

PENYUNTING
**Dr Norman Kamarudin**
**Hj Zulkifli Abd Manaf**
**Dr Siti Ramlah Ahmad Ali**
**Dr Ahmad Tarmizi Hashim**
**Ab Aziz Md Yusof**
**Noor Asmawati Abd Samad**
**M Ayatollah K Ab Rahman**
**Abdullah Hashim**

SETIAUSAHA
**Nur Hanani Mansor**

*Sambungan dari muka surat 1*

### Pensijilan Kebun Pekebun Kecil

Salah satu komponen dalam SPOC adalah pensijilan kebun pekebun kecil. Pada masa ini terdapat beberapa jenis pensijilan yang dijalankan ke atas kebun pekebun kecil di Malaysia. Pensijilan tersebut ialah Pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) MPOB, Kod Amalan MPOB *Code of Practice* (CoP), Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) dan juga akan diperkenalkan Standard Malaysia mengenai Minyak Sawit Mampan (MSPO) atau MS 2530:2013 (*Rajah 1*). Semua pensijilan ini dilaksanakan secara sukarela. Pensijilan ini akan menjamin pengeluaran hasil sawit yang optimum dan mampan, selamat digunakan dan mesra alam.

Pensijilan Amalan Pertanian Baik atau *Good Agriculture Practice* (GAP) adalah pengiktirafan yang diberikan kepada pekebun kecil sawit persendirian yang berjaya menguruskan kebun sawit mengikut piawaian yang disyorkan MPOB. Objektif pensijilan GAP MPOB adalah untuk

*Bersambung ke muka surat 3*



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

*Sejak kebelakangan ini beberapa kejadian serangan ulat bungkus yang serius berlaku di beberapa kawasan tanaman sawit melibatkan estet dan juga pekebun kecil persendirian. Serangan ini bermula sejak tahun 2011 melibatkan kawasan sekitar Mukim Chaah Baru iaitu di Kg Hj Mian, Sg Lenek dan Kg Sawah Padi, Batu Pahat, Johor meliputi kawasan seluas 8916 ha melibatkan lebih 300 pekebun kecil persendirian. Kejadian terbaharu pula telah dilaporkan berlaku diawal tahun 2014, melibatkan kawasaan seluas 6471 ha milik pekebun kecil di Kluang, Johor.*

*Kejadian serangan yang serius seperti ini juga dilaporkan pernah berlaku antara tahun 2000 hingga 2005 di Perak Selatan, Sabah dan Johor. Serangan yang berlaku telah melibatkan kawasan seluas 19 152 ha. Serangan perosak ini juga dilaporkan boleh berlaku berulang kali di sesuatu kawasan.*

*Ulat bungkus merupakan serangga perosak yang merosakkan tanaman sawit dengan memakan tisu daun sawit semasa di peringkat larva. Ia membiak dan berkembang dari satu pelepah ke pelepah lain atau ke pokok lain dengan bantuan angin. Kesan kerosakan ini boleh mengurangkan hasil buah tandan segar (BTS) antara 30%-40%, bergantung kepada kadar kerosakan yang dialami disebabkan penurunan kadar proses fotosintesis pokok. Sebahagian penanam sawit mungkin pernah mengalami atau melihat kejadian serangan seperti ini berlaku.*

*Kerajaan melalui Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167], Perisytiharan Makhluk Perosak Berbahaya 2013 telah mengisytiharkan bahawa ulat bungkus spesies* Metisa plana, Pteroma pendula *dan* Mahasena corbetti *merupakan perosak berbahaya khususnya untuk tanaman sawit berkuatkuasa pada 15 November 2013.*

*Pelbagai teknologi dan kaedah telah dan sedang digunakan bagi mengawal wabak serangan ulat bungkus. Ini termasuklah kaedah semburan atau suntikan batang menggunakan racun serangga yang sesuai semasa peringkat larva. Amalan pertanian baik (GAP) merupakan pendekatan yang lebih sesuai dalam mengawal serangan ulat bungkus. Pendekatan ini mengambil kira kaedah pengawalan secara biologi mesra alam atau kombinasi penggunaan racun kimia yang minimum tanpa menjejaskan serangga pemangsa bermanfaat di ladang. Selain itu, penanaman pokok bermanfaat seperti* Cassia cobanensis *dan* Tunera subulata *adalah disyorkan bagi menarik dan menambah populasi serangga pemangsa yang berupaya*

*Bersambung ke muka surat 3*

*Sambungan dari muka surat 2*

*membantu mengawal populasi ulat bungkus ke paras tidak berbahaya. Pemasangan perangkap yang mengandungi ulat bungkus betina yang mengeluarkan feromon untuk menarik dan memerangkap ulat bungkus jantan juga merupakan pendekatan yang disyorkan. Semburan udara menggunakan kapal terbang juga boleh dilakukan jika membabitkan kawasan yang luas, tetapi ia melibatkan kos tinggi.*

Sudut Teknologi *kali ini memuatkan* Amalan Pengurusan Terbaik Penanaman Sawit di Tanah Gambut: Penggunaan Zeolite Sebagai Pembaik Pulih Tanah. *Kombinasi rawatan ini disyor diamalkan sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan baik penanaman sawit khususnya di tanah gambut. Selain itu, tajuk seperti* Bahan Pembaik Pulih Tanah *diketengahkan untuk sudut* Kenalilah *dan* Lilin Urut Berasaskan Sawit *diperkenalkan bagi sudut* Tahukah Anda?.

*Teknologi atau pengetahuan yang diperoleh tidak dapat mengatasi masalah sekiranya tidak diamalkan. Selain itu, sikap sebahagian pengusaha yang sentiasa berharap bantuan kerajaan menyelesaikan masalah mereka merupakan tindakan yang kurang bijak. Tanggungjawab dan kerjasama semua pihak perlu bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Pihak kerajaan termasuk MPOB akan terus membantu sedaya-upaya mengawal serangan serangga perosak melalui khidmat nasihat kepada pekebun kecil di lapangan.*

*Pada tahun ini, Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil akan diadakan pada 11-12 Ogos 2014. Tema tahun ini iaitu 'Amalan Berubah, Hasil Bertambah' dipilih bagi memberi kesedaran kepada pekebun kecil merubah mengamalkan amalan pengurusan kebun yang lebih baik di samping sikap yang positif dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit negara. Persidangan ini diharap akan menjadi medan kepada pekebun kecil, agen pengembangan, pegawai dan individu yang terlibat dalam industri sawit bagi mendapatkan teknologi dan maklumat terkini serta berkongsi pengalaman bagi merealisasikan pencapaian Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit.*

*Sambungan dari muka surat 2*

memastikan kebun pekebun kecil diurus mengikut piawaian yang disyorkan MPOB bagi pengeluaran hasil yang optimum dan berkualiti. Terdapat beberapa aspek teknikal dan pengurusan kebun yang dinilai dalam Pensijilan MPOB GAP seperti dalam *Jadual 2*. Pensijilan ini merupakan pensijilan asas kepada pekebun kecil untuk ke peringkat pensijilan berkelompok seperti MPOB CoP, RSPO dan MSPO.

Pegawai MPOB akan memeriksa kebun pekebun kecil untuk menilai GAP yang diamalkan (*Rajah 3*). Semasa pemeriksaan tersebut, pekebun kecil berpeluang mendapat khidmat

**JADUAL 1. SENARAI SPOC YANG TELAH DITUBUHKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2013**

| Negeri | Senarai SPOC |
|---|---|
| Sabah | 1. KPSM Daerah Tongod |
| | 2. KPSM Daerah Kunak |
| | 3. KPSM Daerah Kinabatangan |
| | 4. KPSM Daerah Tawau |
| | 5. KPSM Daerah Beluran |
| | 6. KPSM Daerah Keningau |
| | 7. KPSM Daerah Kecil Tungku Lahad Datu Berhad |
| Sarawak | 1. KPSM Daerah Saratok |
| | 2. KPSM Daerah Belaga |
| | 3. KPSM Daerah Serian |
| | 4. KPSM Daerah Selangau |
| | 5. KPSM Bakong Marudi |
| | 6. KPSM Daerah Asajaya Samarahan Berhad |
| | 7. KPSM Sarikei Berhad |
| | 8. KPSM Daerah Limbang |
| | 9. KPSM Daerah Kecil Long Lama Marudi Berhad |
| | 10. KPSM Daerah Lawas Berhad |
| Pahang | 1. KPSM Daerah Temerloh |
| | 2. KPSM Daerah Bera |
| | 3. KPSM Daerah Maran |
| Johor | 1. KPSM Daerah Kulai Jaya |
| | 2. KPSM Kluang Utara |
| | 3. KPSM Yong Peng Utara Berhad |
| Perak | 1. KPSM Daerah Selama |
| | 2. KPSM Daerah Teluk Intan |
| | 3. KPSM Batang Padang Selatan Berhad |
| Melaka | 1. KPSM Daerah Jasin |
| Selangor | 1. KPSM Kuala Selangor Selatan |
| | 2. KPSM Tanjung 12 1&2 Kuala Langat |
| Terengganu | 1. KPSM Daerah Dungun |

nasihat teknikal mengenai pengurusan tanaman sawit dan ini akan meningkatkan hasil sawit. Selain itu, pemegang sijil juga mendapat beberapa keistimewaan antaranya mendapat potongan istimewa atau pengecualian yuran apabila mengikut aktiviti anjuran MPOB seperti seminar, persidangan, kursus, bengkel dan lain-lain serta menerima bayaran honorarium atau saguhati apabila dipilih MPOB untuk membantu aktiviti

*Bersambung ke muka surat 4*

*Sambungan dari muka surat 3*



*Rajah 2. Kumpulan Pekebun Kecil SPOC Beluran yang berjaya mendapat Sijil RSPO yang pertama di Malaysia.*



*Rajah 3. Pegawai TUNAS membuat lawatan untuk Pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP).*

MPOB seperti penyampaian ceramah teknikal kepada pekebun kecil sawit yang lain.

Sehingga Mac 2014, sebanyak 3882 kebun pekebun kecil (11 683 ha) telah dinilai dan daripada jumlah itu, 381 kebun sahaja (1338 ha) telah dianugerahkan sijil MPOB GAP. Bagi Pensijilan MPOB CoP, terdapat empat buah SPOC telah dianugerahkan sijil ini iaitu SPOC Telupid dan SPOC Tongod di Sabah, SPOC Saratok di Sarawak dan SPOC Kulai Jaya di Johor. Bagi Pensijilan RSPO, hanya satu SPOC telah berjaya mendapat sijil ini iaitu SPOC Beluran di Sabah. Kumpulan pekebun kecil persendirian ini menjadi kumpulan pertama yang menerima sijil RSPO di Malaysia dan yang ketiga di dunia (*Rajah 2*).

**Koperasi Penanam Sawit Mampan**

Selain program pensijilan kebun pekebun kecil, penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan salah satu program SPOC. Penubuhan KPSM adalah sebagai wadah untuk mencapai matlamat SPOC. Ahli KPSM terbuka kepada pekebun kecil sawit persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.46 ha. Objektif utama penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil agar berupaya menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama seperti meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS), pembelian input secara berkelompok bagi mengurangkan kos dan penjualan BTS berkelompok untuk mendapatkan harga yang tinggi sekali gus meningkatkan pendapatan ahli. KPSM yang pertama ditubuhkan adalah di Tongod, Sabah pada 13 Oktober 2010 dan sehingga kini, sebanyak 30 KPSM telah ditubuhkan di seluruh Malaysia.




*Rajah 4. Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC merasmikan Koperasi Penanam Sawit Mampan Sarikei, Sarawak.*

Dengan adanya koperasi, pekebun kecil kini mempunyai saluran alternatif menyampaikan masalah dan membantu meningkatkan taraf hidup. Suara mereka juga akan didengari kerana

*Bersambung ke muka surat 5*

*Sambungan dari muka surat 4*

**JADUAL 2. ASPEK TEKNIKAL DAN PENGURUSAN KEBUN YANG DINILAI DALAM PENSIJILAN MPOB GAP**

| Kategori | Amalan yang Dinilai |
|---|---|
| Penyediaan ladang | 1. Kawasan sawit berkecerunan 6°-25° mempunyai teres/tapak kuda.<br>2. Anak sawit ditanam menggunakan sistem segi tiga sama atau sistem tanaman dua baris.<br>3. Kebun mempunyai kepadatan tanaman sawit mengikut jenis tanah:<br>• Tanah lanar/pedalaman 148 pk/ha<br>• Tanah gambut 160 pk/ha<br>4. Lorong tuai dan jalan yang diselenggarakan dengan baik untuk pengeluaran buah.<br>5. Parit ladang/pengumpul dibina di kawasan yang perlu dan diselenggara dengan baik bagi mengawal paras air/banjir.<br>6. Paras air di dalam parit di kawasan gambut berada pada paras optimum untuk mengurangkan kekeringan kekal/pemendapan. |
| Pembajaan | 7. Pokok dibaja pada kadar mencukupi.<br>8. Baja ditabur di sekeliling pokok atau di lorong longgokan pelepah.<br>9. Kekerapan membaja tidak kurang daripada dua kali setahun.<br>10. Baja ditabur dalam tempoh satu bulan selepas diterima atau dibeli.<br>11. Tiada pokok menunjukkan tanda kekurangan nutrien utama. |
| Pemangkasan | 12. Bilangan pelepah hijau pada setiap pokok mencukupi.<br>13. Pelepah yang dipangkas disusun mengikut kontur di kawasan bukit atau di antara barisan tanaman di kawasan rata. |
| Penuaian | 14. Pusingan penuaian antara 7-14 hari.<br>15. Hanya buah tandan segar (BTS) yang masak sahaja dituai.<br>16. Tangkai tandan dipotong pendek.<br>17. Semua buah relai mesti dikutip.<br>18. BTS dan buah relai dihantar ke peniaga buah dalam tempoh 24 jam atau ke kilang dalam tempoh 48 jam.<br>19. Pengeluaran hasil BTS (t/ha/thn) melebihi purata hasil, untuk satu-satu tahun pengeluaran. |
| Kawalan rumpai | 20. Mengamalkan integrasi tanaman/ternakan yang sesuai.<br>21. Keliling pokok sawit bebas daripada rumpai/anak kayu.<br>22. Batang pokok sawit bebas daripada tumbuhan parasit. |
| Kawalan penyakit dan perosak | 23. Pokok sawit tidak diserang perosak seperti ulat bungkus, kumbang badak, tikus dan lain-lain.<br>24. Kawasan kebun bebas daripada penyakit *Ganoderma*. Jika ada penyakit *Ganoderma*, kawalan telah dilakukan. |
| Pemuliharaan tanah | 25. Takungan lumpur dibina di kawasan bercerun.<br>26. Kawasan sawit ditumbuhi rumpai lembut. |
| Perkara am | 27. Menyimpan/mengemas kini buku rekod ladang/kebun. |

bertindak secara berkumpulan berbanding bersendirian. Melalui kaedah pemasaran BTS secara berkelompok, ia dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil sebanyak 17% apabila mereka berjaya mendapatkan harga BTS yang baik. Ini berlaku apabila kuantiti pengeluaran BTS semua pekebun kecil digabungkan, maka mereka mempunyai kuasa berunding untuk menentukan hasil BTS dipasarkan pada harga yang lebih baik serta diberi perhatian yang sewajarnya, berbanding penjualan BTS secara individu. Kualiti BTS juga dapat ditingkatkan melalui program pensijilan yang dijalankan serentak kepada ahli koperasi.

Koperasi juga berperanan membantu ahlinya dengan menyediakan kemudahan pengangkutan lori bagi menghantar BTS ke kilang. Kaedah ini dapat dilaksanakan apabila bilangan

*Bersambung ke muka surat 29*

# SUDUT TEKNOLOGI

## AMALAN PENGURUSAN TERBAIK PENANAMAN SAWIT DI TANAH GAMBUT: PENGGUNAAN ZEOLITE SEBAGAI PEMBAIK PULIH TANAH

### Pendahuluan

Keluasan tanah gambut di Malaysia meliputi 2.6 juta hektar. Sehingga tahun 2009, sejumlah 666 000 ha tanah gambut telah dimajukan dengan tanaman sawit. Secara umumnya, tanah gambut dikategorikan sebagai tanah bermasalah yang mana sebahagian sifat fizikal dan kimia-nya menjadi halangan kepada pertumbuhan dan penghasilan tanaman sawit. Hasil penyelidikan dan pembangunan pelbagai pihak termasuk MPOB telah membolehkan penanaman sawit di tanah gambut dijalankan dengan jayanya. Pengesyoran amalan pengurusan baik penanaman sawit di tanah gambut meliputi aspek penyediaan kawasan ladang, teknik penanaman, pengurusan air, keperluan pembajaan dan mekanisasi ladang. Pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) 30 t/ha/thn terbukti boleh dicapai sekiranya syor amalan pengurusan baik dilaksanakan sepenuhya.




| Sifat kimia | Kuantiti |
|---|---|
| CEC cmol $kg^{-1}$ | 76.0 ± 8.4 |
| P (%) | 0.0056 ± 0.0002 |
| K (%) | 1.93 ± 0.01 |
| Mg (%) | 0.18 ± 0.01 |
| Ca (%) | 0.91 ± 0.08 |
| Si (%) | 24.5 ± 0.3 |

*Rajah 1. Mineral zeolite berbentuk serbuk yang digunakan dalam kajian dan sebahagian sifat kimianya.*

Pembajaan merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi prestasi pengeluaran hasil di samping meliputi 50%-60% kos pengeluaran hasil BTS. Sehubungan itu, amalan pembajaan berkesan sangat penting bagi memastikan usaha penanaman sawit memberi hasil yang tinggi dan menguntungkan. Sifat rendah kandungan nutrien potasium (K) dan masalah mudah larut resap di tanah gambut menyebabkan keperluan pembajaan K bagi tanaman sawit adalah tinggi. Kajian di Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan mencadangkan bahawa pembajaan K adalah pada kadar 6 kg MOP/ pk/thn. Kajian mendapati penggunaan baja kimia seperti *muriate of potash* (MOP) dan *sulphate of potash* (SOP) sebagai sumber K bagi tanaman sawit di tanah gambut di Sarawak adalah kurang berkesan. Masalah ini disebabkan faktor taburan hujan tinggi yang meningkatkan kejadian larut resap baja yang ditabur. Mineral zeolite mempunyai sifat fizikal dan kimia yang berupaya membaik pulih tanah bagi aktiviti pertanian. Selain digunakan sebagai bahan pemuliharaan kelembapan tanah, zeolite juga mengandungi nutrien K yang boleh dilepaskan secara perlahan. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan zeolite berupaya meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien tanaman.

### Kajian di Lapangan

Kajian keberkesanan penggunaan zeolite sebagai bahan pembaik pulih tanah bagi tanaman sawit di tanah gambut telah dijalankan di Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan, Perak. Kawasan kajian merupakan tanah gambut dalam dengan kedalaman lapisan gambut antara 300-320 cm. Kajian dijalankan terhadap tanaman sawit berumur lapan tahun selepas tanam. Rawatan kajian terdiri daripada kombinasi dua kadar zeolite dan dua kadar baja MOP. Rawatan zeolite dinilai pada kadar 3 kg/pk/thn berbanding tanpa penggunaan zeolite. Manakala dua kadar baja MOP yang dikaji adalah 3 dan 5 kg/pk/thn. Zeolite dan baja MOP ditabur secara berselerak di kawasan bulatan pokok dengan masing-masing satu dan dua pusingan setahun. Hasil BTS bagi tempoh enam tahun dianalisis bagi menilai kesan rawatan yang dikaji.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa penaburan zeolite pada kadar 3 kg/pk/thn meningkatkan pengeluaran hasil BTS (*Rajah* 2). Purata hasil BTS terkumpul bagi tempoh enam tahun bagi plot rawatan zeolite meningkat sebanyak 7% berbanding plot tanpa zeolite. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa kadar optimum baja MOP bagi plot rawatan zeolite adalah rendah iaitu 3 kg/pk/thn berbanding plot tanpa zeolite 5 kg/pk/thn (*Jadual 1*). Analisis pengeluaran hasil BTS bagi tempoh enam tahun terhadap kombi-




*Rajah 2. Kesan rawatan zeolite terhadap prestasi hasil BTS tanaman sawit.*

*Bersambung ke muka surat 7*

*Sambungan dari muka surat 6*

**JADUAL 1. KESAN KOMBINASI RAWATAN ZEOLITE DAN BAJA MOP TERHADAP HASIL BTS SAWIT**

| Rawatan (kg/pk/thn) | | Hasil BTS (kg/pk/thn) | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Zeolite | MOP | Tahun 1 | Tahun 2 | Tahun 3 | Tahun 4 | Tahun 5 | Tahun 6 | Purata |
| 0 | 3 | 27.37 a | 25.40 b | 24.27 c | 22.03 b | 22.43 a | 22.80 b | 24.05 b |
| 0 | 5 | 29.17 a | 28.78 a | 25.54 a | 25.93 a | 23.95 a | 25.07 b | 26.41 a |
| 3 | 3 | 28.35 a | 29.02 a | 27.88 bc | 26.14 a | 24.05 a | 25.66 b | 26.85 a |
| 3 | 5 | 28.05 a | 25.55 b | 27.03 ab | 28.02 a | 24.90 a | 29.71 a | 27.21 a |
| Purata | | 28.24 | 27.19 | 26.18 | 25.53 | 23.83 | 25.81 | 26.13 |
| LSD0.05 | | 2.01 | 2.31 | 1.92 | 3.16 | 2.31 | 2.71 | 1.32 |

Nota: Nilai purata bagi kolum yang sama dengan huruf yang sama adalah tidak berbeza secara ketara pada p=0.05 (Ujian Duncan).

nasi rawatan zeolite dan baja MOP jelas menunjukkan bahawa rawatan zeolite pada kadar 3 kg/pk/thn berupaya meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien K tanaman sawit di tanah gambut.

Analisis kos pengeluaran dan pendapatan terhadap kombinasi rawatan zeolite dan baja MOP adalah seperti dalam *Jadual 2*. Kos pengeluaran hasil BTS terendah direkodkan pada kombinasi rawatan zeolite dan kadar MOP pada 3 kg/pk/thn. Kadar hasil BTS tinggi serta kos pengeluaran yang rendah menjadikan kombinasi rawatan zeolite dan baja MOP pada kadar 3 kg/pk/thn merekodkan pendapatan yang tertinggi berbanding kombinasi lain.

optimum pembajaan MOP kepada 3 kg/pk/thn berbanding syor umum iaitu 5-6 kg/pk/thn. Prestasi hasil BTS tinggi serta kos pengeluaran rendah dan kadar pendapatan tinggi menjadikan kombinasi rawatan zeolite pada kadar 3 kg/pk/thn dan 3 kg MOP /pk/thn adalah kombinasi yang optimum dari segi agronomi dan ekonomi. Kombinasi rawatan ini disyorkan diamalkan sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan baik penanaman sawit khususnya di tanah gambut. Pada masa kini, terdapat baja sebatian yang mengandungi zeolite di pasaran bagi meningkatkan keberkesanan pembajaan seperi baja sebatian MPOB F2 Super K, MPOB F3 dan MPOB F4.

**JADUAL 2. ANALISIS KOS PENGELUARAN HASIL BTS DAN PENDAPATAN TERHADAP KOMBINASI RAWATAN ZEOLITE DAN BAJA MOP**

| Kadar rawatan (kg/pk/thn) | | BTS [a] (t/ha) | Kos rawatan [b] (RM/ha) | | Jumlah kos pengeluaran hasil BTS [c] | | Pendapatan bersih [d] (RM/ha) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Zeolite | MOP | | Zeolite | MOP | RM/ha | RM/ t BTS | RM 400 | RM 500 |
| 0 | 3 | 24.05 | 0 | 936 | 3 908 | 162 | 5 712 | 8 117 |
| 0 | 5 | 26.41 | 0 | 1320 | 4 410 | 167 | 6 154 | 8 795 |
| 3 | 3 | 26.85 | 260 | 936 | 4 308 | 160 | 6 432 | 9 117 |
| 3 | 5 | 27.21 | 260 | 1320 | 4 710 | 173 | 6 174 | 8 895 |

Nota: a Purata enam tahun hasil BTS.
b Berdasarkan harga zeolite = RM 500/t; MOP = RM 1600/t.
c Berdasarkan kos pembangunan hingga pokok matang = RM 18 000/ha; kos penyelenggaraan ladang = RM 1050/ha; kos penuaian dan pengangkutan = RM 50/t BTS.
d Berdasarkan dua paras harga BTS.

## Kesimpulan

Keputusan kajian jelas menunjukkan bahawa penaburan zeolite pada kadar 3 kg/pk/thn berkesan meningkatkan prestasi pengeluaran hasil BTS tanaman sawit di tanah gambut. Rawatan zeolite juga berupaya meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien K oleh tanaman sawit. Ini secara langsung dapat mengurangkan kadar



*Sumbangan:*
*Hasnol Othman*
(hasnol@mpob.gov.my)



+ Formula khas yang seimbang untuk meningkatkan hasil
+ Mengandungi nutrien lengkap bagi tumbesaran sawit
+ Mengawal pelepasan nutrien
+ Nutrien tersedia mudah diserap
+ Dirumus khas bagi tanah tropika
COCK'S HEAD
BAJA SEBATIAN
MPOB F2
10.7 - 9.1 - 17.3 - 1.4+B
Rumusan Khas Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Ke Arah Mempertingkatkan Hasil Sawit Anda...
* Sebarang maklumat/pertanyaan sila hubungi talian khidmat pelanggan kami di 1 800 22 1133 atau emel kepada fertilizers@ccmberhad.com
ccm
Suci
50 years
living ahead
MS

# ???????? Kuiz Sawit ?????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab tiga soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

**Syarat penyertaan**

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **1 SEPTEMBER 2014**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,*
*Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan*
Faks: 03-8920 2932
Emel: nurhanani@mpob.gov.my

**JANGAN LEPASKAN PELUANG MEMENANGI RM 100**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 56 (1)/JANUARI-APRIL 2014**

**(Sila bulatkan jawapan yang betul)**

1. Manakah antara berikut adalah pensijilan kebun pekebun kecil di bawah SPOC?
   i. Pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) MPOB
   ii. Kod Amalan MPOB *Code of Practice* (CoP)
   iii. Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO)
   iv. Standard Malaysia Minyak Sawit Mampan (MSPO)

   a. i, ii dan iii
   b. i, ii dan iv
   c. i, iii dan iv
   d. i,ii, iii dan iv

*Bersambung ke muka surat 10*

*Sambungan dari muka surat 9*

2. Manakah antara berikut merupakan amalan pengurusan baik penanaman sawit di tanah gambut yang disyorkan oleh MPOB?
   i. Pengurusan air yang cekap bagi mengawal paras air ladang di tahap optimum.
   ii. Pengunaan baja abu tandan sawit sebagai sumber nutrien nitrogen.
   iii. Penanaman *Mucuna bracteata* sebagai tumbuhan penutup bumi.
   iv. Pengunaan zeolite sebagai bahan pembaik pulih tanah.

   a. i, ii dan iii
   b. i, ii dan iv
   c. i, iii dan iv
   d. ii, iii dan iv

3. Antara nutrien berikut, manakah yang tidak terkandung dalam zeolite?
   a. Kalium (K)
   b. Kalsium (Ca)
   c. Boron (B)
   d. Silika (Si)

4. Apakah keunikan produk lilin urut?
   a. Cecair yang terhasil daripada pembakaran lilin urut adalah beraroma terapi.
   b. Cecair yang terhasil daripada pembakaran lilin urut berbau wangi.
   c. Cecair yang terhasil daripada pembakaran lilin urut mempunyai warna menarik.
   d. Cecair yang terhasil daripada pembakaran lilin urut adalah suam dan mempunyai kelicinan yang sesuai untuk urutan.

5. Berapakah hasil tertinggi BTS yang pernah dicapai oleh Peladang Jaya, En Ismail Jemain?
   a. 28.12 t/ha/thn
   b. 27.35 t/ha/thn
   c. 29.84 t/ha/thn
   d. 29.48 t/ha/thn

Nama : ______________________________

No. Kad Pengenalan : ______________________________

No. Telefon : ______________________________

Alamat : ______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

## TAHNIAH! PEMENANG KUIZ SAWIT BIL. 55(3)/SEP-DIS 2013

Nama Pemenang:
i. En. Kamarolzaman b. Hussein
ii. Robainah bt. Ismail
iii. Noor Ai'ni bt. Md Noor

## JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 55(3)/SEP-DIS 2013

1. C
2. D
3. B
4. B
5. D

# KENALILAH... BAHAN PEMBAIK PULIH TANAH

Keluasan tanaman sawit di Malaysia telah mencapai 5.23 juta hektar pada 2013 dengan purata hasil buah tandan segar (BTS) sebanyak 19.02 t/ha/thn. Kepesatan industri penanaman sawit serta kekurangan tanah yang sesuai menyebabkan sawit telah ditanam di tanah bermasalah seperti tanah asid sulfat, gambut dan bris serta kawasan bukit berkecerunan melebihi 20°. Penanaman sawit di tanah bermasalah memerlukan amalan pengurusan yang khusus termasuklah usaha membaik pulih tanah. Aktiviti pertanian seperti penanaman sawit boleh menyebabkan berlaku kerosakan tanah seperti hakisan, pengurangan nutrien, pemadatan dan penyusutan tanah. Sehubungan itu, usaha pemuliharaan kesuburan tanah adalah penting bagi memastikan sifat fizikal, kimia dan saliran tanah tidak menjejaskan prestasi pertumbuhan dan penghasilan tanaman sawit. Antara bahan pembaik pulih tanah yang boleh digunakan adalah seperti biojisim sawit, pelepah sawit yang dipangkas, tandan buah kosong, abu tandan sawit dan mineral semulajadi zeolite.

Kaedah penanaman semula sawit secara pembakaran sifar meninggalkan biojisim sawit dengan kuantiti yang besar dianggarkan sebanyak 100 t biojisim kering. Biojisim sawit yang terdiri daripada racikan batang dan pelepah sawit di permukaan tanah dan akar di dalam tanah mengandungi nutrien yang sesuai untuk kegunaan tanaman sawit bagi tempoh tertentu. Pereputan biojisim sawit yang ditinggalkan di kawasan ladang meningkatkan kandungan organik tanah sekali gus memperbaiki tahap kesuburan tanah. Longgokan biojisim di ladang juga merupakan bahan sungkupan yang berkesan bagi pemuliharaan kelembapan tanah.

Secara purata lebih kurang 10 t/ha/thn pelepah dipangkas dari pokok sawit. Perletakan pelepah di kawasan ladang dapat membantu mengekalkan suhu dan kelembapan tanah di samping meningkatkan kandungan organik tanah. Pelepah sawit yang telah dipangkas di kawasan bercerun, disusun di hujung teres agar dapat mengawal hakisan tanah dan mengelakkan berlaku kehilangan baja yang disebabkan oleh larian permukaan air.

Tandan buah kosong (TBK) adalah produk sampingan yang terhasil daripada BTS sawit. Perletakan TBK di kawasan ladang membantu mengurangkan hakisan tanah di samping meningkatkan kandungan organik tanah. Selain itu, TBK juga dapat memperbaiki struktur tanah, kelembapan tanah dan pegangan air dalam tanah. Ia boleh juga mengurangkan pertumbuhan rumpai sekiranya diletakkan di pangkal pokok yang belum matang. Secara purata sebanyak 5 t/ha/thn TBK boleh diperoleh pada setiap pengeluaran 25 t/ha/thn BTS.



| Baja | Kuantiti (kg) |
|---|---|
| Amonium sulfat (N) | 3060 |
| Christmas Island Rock Phosphate (P) | 370 |
| Muriate of Potash (K) | 2700 |
| Kieserit (Mg) | 1000 |

*Rajah 1. Susunan biojisim sawit dalam ladang dan persamaan kandungan baja dalam 100 t biojisim kering.*



| Baja | Kuantiti (kg) |
|---|---|
| Urea (N) | 59.8 |
| Christmas Island Rock Phosphate (P) | 14 |
| Muriate of Potash (K) | 39.8 |
| Kieserit (Mg) | 27.8 |

*Rajah 2. Susunan pelepah sawit dalam ladang dan persamaan kandungan baja dalam setiap tan pelepah kering.*

*Bersambung ke muka surat 12*

Sambungan dari muka surat 11



| Baja | Kuantiti (kg) |
|---|---|
| Amonium sulfat (N) | 15.3 |
| Rock Phosphate (P) | 2.8 |
| Muriate of Potash (K) | 19.3 |
| Kieserit (Mg) | 4.4 |

*Rajah 3. Susunan tandan buah kosong dalam ladang dan persamaan kandungan baja dalam setiap 5 tan TBK.*

Abu tandan sawit sesuai digunakan untuk membaik pulih tanah gambut kerana nilai pH yang tinggi di samping mengandungi nutrien kalium (K) yang tinggi. Kajian MPOB telah membuktikan bahawa penggunaan abu tandan sawit sebagai sumber K dapat meningkatkan kadar hasil BTS sawit di samping mengurangkan kos pembajaan. Selain sebagai sumber K, abu tandan sawit juga berkesan memperbaiki keasidan tanah gambut. Pembajaan K bagi tanaman sawit di tanah gambut boleh juga dijalankan secara kombinasi antara baja MOP dan abu tandan sawit.



| Sifat kimia | Nilai |
|---|---|
| Potensi hidrogen -PH | 12 |
| Kalium dioksida -$K_2O$ (%) | 30 |
| Magnesium dioksida -MgO (%) | 6 |
| Fosfat dioksida- $P_2O_5$ (%) | 4 |

*Rajah 4. Abu tandan sawit dan sebahagian sifat kimianya.*

Zeolite adalah mineral semulajadi yang mempunyai sifat fizikal dan kimia yang berupaya membaik pulih tanah bagi aktiviti pertanian. Selain sifat kadar pertukaran kation (KPK) yang tinggi, zeolite juga mengandungi nutrien bagi keperluan tanaman sawit seperti silika (Si), kalium (K), magnesium (Mg) dan kalsium (Ca). Kajian MPOB menunjukkan bahawa penggunaan zeolite dapat meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien K oleh pokok sawit di tanah gambut. Terdapat juga kajian lain yang melaporkan bahawa pengunaan zeolite dapat mengurangkan kadar kehilangan nutrien dalam tanah disebabkan larut resap.



| Sifat kimia | Nilai |
|---|---|
| Kation cmol $kg^{-1}$ | 76.0 ± 8.4 |
| Si (%) | 24.5 ± 0.3 |
| Kalium (%) | 1.93 ±0.01 |
| Magnesium (%) | 0.18 ± 0.01 |
| Kalsium (%) | 0.91 ± 0.08 |

*Rajah 5. Mineral semulajadi zeolite dan sebahagian sifat kimianya.*

Secara kesimpulannya, kesuburan tanah merupakan salah satu faktor penting pertumbuhan sawit yang baik dan sempurna. Tanah yang kurang subur hendaklah dibaik pulih bagi menjamin produktiviti sawit yang tinggi seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pengusaha sawit di Malaysia.



*Sumbangan:*
*Mohd Haidhar Abdul Hamid*
(mohd.haidhar@mpob.gov.my)

SUDUT KREATIF SAWIT

# BINGKA SAWIT



**Bahan**

1. 2 kg buah sawit (untuk menghasilkan tiga cawan pati perahan buah sawit)
2. Satu cawan tepung gandum
3. ½ cawan gula
4. Satu cawan santan pekat
5. Garam secukup rasa

**Cara penyediaan**

1. Basuh bersih buah sawit dan tapis.
2. Potong sedikit di bahagian pangkal dan bawah buah sawit.
3. Rebus buah sawit sehingga empuk.
4. Setelah buah empuk, tapis buah sawit dan tunggu sehingga sejuk.
5. Setelah buah sawit sejuk, masukkan tiga cawan air dan ramas buah sawit untuk mendapatkan pati perahan dan tapiskan.
6. Masukkan pati perahan buah sawit, gula, gandum, santan pekat dan sedikit garam. Kacau sehingga sebati dan tapis adunan sekali lagi.
7. Masukkan adunan tersebut ke dalam loyang pembakar dan bakar dengan suhu sederhana selama 1 jam setengah ke 2 jam.
8. Biarkan adunan yang telah masak tadi sejuk. Potong dan boleh dihidang.

Sumber diambil dari laman sesawang
*http://cthoney.blogspot.com/2011/02/kuih-bingka-buah-sawit.html*

**PENGUMUMAN**

*Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam* Warta Sawit *akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.*

***Sudut Kreatif Warta Sawit***
*Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620*
*50720 Kuala Lumpur*
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,*
*Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan*

# SEDUTAN AKHBAR

*Tajuk* : **OMAN MINAT TEKNOLOGI SAWIT MPOB**
*Tarikh* : **Berita Harian, 1 Mac 2014**

BANGI - Negara pengeluar kurma kelapan terbesar di dunia, Oman, berminat mempelajari teknologi yang dibangunkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan menyesuaikannya dalam pembangunan industri kurma di negara itu.

Hasrat ini disuarakan Ketua Pengarah *Milion Date Palm Project*, Dr Saif Al Shaqsi, sewaktu mengadakan perbincangan bersama Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, di sini baru-baru ini.

Dr Saif yang juga Ketua Pegawai Eksekutif *National Field Research Centre for Environmental Conservation of the Royal Court of Oman* berkata, Oman sedang dalam proses menanam 1 juta pokok kurma dan teknologi sawit MPOB boleh membantu sektor perladangan kurma negara itu.

"Oman juga tertarik dengan prinsip sifar sisa yang diamalkan sektor perladangan sawit Malaysia di mana pelbagai barangan sawit dihasilkan daripada pokok dan sisa sawit," tambah beliau.

*Tajuk* : **INDUSTRI SAWIT SASAR TINGKAT PRODUKTIVITI**
*Tarikh* : **Utusan Malaysia, 5 Mac 2014**

KUALA LUMPUR - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, industri minyak sawit di negara ini akan memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan produktiviti dan kemampanan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) mulai 2016.

Timbalan Perdana Menteri berkata, inisiatif itu turut menumpukan kepada pengukuhan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta teknologi dan mempromosi aktiviti nilai tambah.

Sehubungan itu, kata beliau, penggiat-penggiat industri minyak sawit boleh terus berasa selesa dengan prestasi harga semasa komoditi tersebut.

"Bagi mengekalkan daya saing kita di pasaran global, kita menangani isu-isu penting seperti alam sekitar, pengeluaran mapan dan liberalisasi perdagangan."

*Tajuk* : **MPOB ANJUR PERTANDINGAN BERNILAI RM 1 JUTA**
*Tarikh* : **Kosmo, 5 Mac 2014**

KUALA LUMPUR - Pertandingan Mekanisasi Sektor Sawit Antarabangsa (ICOPM) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menawarkan hadiah lumayan bernilai RM 1 juta kepada pemenang yang mampu mencipta mekanisasi baharu dalam memajukan sektor industri sawit.

Pertandingan yang bermula semalam akan mempertandingkan empat kategori sebagai usaha mengurangkan kebergantungan tenaga buruh dengan penggunaan teknologi yang baharu dalam sektor hiliran minyak sawit.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peserta boleh mencipta mekanisasi mengikut kategori yang disediakan seperti teknologi penuaian, teknologi pengutipan buah relai, teknologi pengangkutan buah tandan segar dan teknologi penjagaan ladang.

*Tajuk* : **BAHAN BUANGAN JADI SUMBER ALTERNATIF BAHAN API**
*Tarikh* : **Sinar Harian, 18 Mac 2014**

KUALA PILAH - Industri Simen Malaysia Berhad (CIMA) akan menerajui pemasangan sistem pembakaran bahan api alternatif bersepadu menggunakan bahan buangan seperti tayar dan sisa biojisim pertama di negara ini.

*Bersambung ke muka surat 15*

*Sambungan dari muka surat 14*

Pengarah Urusan CIMA, Mohd Yusri Md Yusof berkata, teknologi dari Jepun iaitu Taiheiyo Engineering Corporate (TEC) membolehkan CIMA menggunakan tayar dan sisa biojisim seperti tempurung isirung sawit dan tandan tanpa buah sawit sebagai sumber alternatif bahan api.

Menurutnya, sistem ini dapat mengurangkan penggunaan sumber tenaga tidak boleh diperbaharui seperti arang batu sekali gus mengurangkan karbon dioksida dengan ketara iaitu maksimum 30%.

"Selain itu, sistem ini dapat menghalang pembentukan salutan klorin dan sulfur, malah secara tidak langsung membolehkan pengeluaran simen menggunakan bahan api alternatif sebagai tenaga haba untuk pengeluaran klinker."

"Sistem ini juga dipasang untuk mengesan sulfur yang boleh diperoleh dalam batu kapur."

*Tajuk* : **LEBIH 77% PEKERJA ASING TERLIBAT DALAM PERLADANGAN SAWIT**
*Tarikh* : **Utusan Malaysia, 1 April 2014**

ROMPIN - Lebih 77% daripada 442 094 tenaga kerja yang terlibat dalam sektor perladangan sawit di negara ini terdiri daripada pekerja asing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, berdasarkan statistik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sehingga Disember tahun lepas, jelas menunjukkan kebergantungan sektor sawit negara terhadap tenaga kerja asing.

